

## Pola Kajian Hari Kiamat: Sorotan 30 Tahun Literatur Secara Sistemik (1988-2018)

*Research on Judgment Day: 30<sup>th</sup> Years Systematic Literature Review (1988-2018)*

Khairul Asyraf Mohd Nathir, Mohd Sukki Othman\*, Nik Farhan Mustapha, Wan Muhammad Wan Sulong

*Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor*

*\*Corresponding author: msukki@upm.edu.my*

---

### Article history

Received: 2019-06-20    Received in revised form: 2019-07-23    Accepted: 2019-11-01    Published online: 2020-02-29

### Abstract

Research on Judgment Day is a form of *taubid* development of faith and belief in the existence of the Judgment Day. In the past 30 years (1988-2018), there are 23 studies that have been done in different dimensions by focusing on the signs and secrets of the Judgment day. The study was produced either in the form of material collections, debates in book, qualify for academic degrees and articles published in seminars or journal papers. The purpose of this study is to highlight the development of the Judgment Day study through several different dimensions. Hence, this qualitative study will review the literature of Judgment Day by using the document analysis method and based on the mathematical table "Systematic Literature Review (SLR)" and Atlas.ti 8 software. This systematic analysis focuses on background study, research objective, research design and findings of the study. The findings show that the Judgment Day has been split into three themes, namely the study of the Qur'an and the hadith, the study of Arabic grammar and the new exploratory study which is students' understanding of Judgment Day. Of the three themes, there are 12 sub-themes that have been released.

Keywords: Judgment Day, Qur'an, Hadith, Arabic Grammar, Systematic literature review

### Abstrak

Kajian hari kiamat merupakan satu bentuk perkembangan ilmu *taubid* mengenai keimanan dan kepercayaan terhadap kewujudan hari kiamat. Dalam tempoh 30 tahun kebelakangan ini (1988-2018), terdapat 23 kajian yang telah dilakukan dalam dimensi yang berbeza dengan menfokuskan kepada tanda dan rahsia hari kiamat. Kajian tersebut dihasilkan sama ada berbentuk pengumpulan bahan, perbahasan dalam karya berbentuk kitab, kajian bagi memenuhi syarat memperoleh ijazah akademik dan artikel yang diterbitkan dalam jurnal atau kertas kerja seminar. Tujuan kajian ini adalah untuk menyoroti perkembangan kajian hari kiamat menerusi beberapa dimensi yang berbeza. Justeru itu, kajian kualitatif ini akan meninjau literatur kajian hari kiamat dengan menggunakan kaedah analisis dokumen dan berpandukan jadual matrik '*Systematic Literature Review (SLR)*' dengan bantuan program Atlas.ti 8. Analisis sistematik ini menfokuskan kepada latar belakang kajian, objektif kajian, reka bentuk yang digunakan dan dapatan hasil kajian tersebut. Dapatan yang diperolehi mendapati, kajian hari kiamat ini telah dipecahkan kepada tiga bentuk tema utama iaitu kajian berdasarkan al-Qur'an dan hadith, kajian melalui tatabahasa Arab dan kajian berbentuk penerokaan yang baharu iaitu melihat dari sudut pemahaman pelajar berkaitan hari kiamat. Daripada tiga tema tersebut, terdapat 12 sub-tema yang telah dikeluarkan.

Kata Kunci: Hari kiamat, al-Qur'an, Hadith, tatabahasa Arab, Sorotan literatur secara sistematik

## 1.0 PENGENALAN

Kajian hari kiamat tidak dapat dipisahkan dengan agama Islam yang meletakkan kepercayaan kepada hari akhirat sebagai perkara asas dalam keimanan seseorang muslim. Bermulanya penciptaan manusia sehingga kembalinya manusia kepada Allah S.W.T, pembuktian dan perkhabaran berkaitan hari kiamat telah diwar-war dengan jelas melalui al-Qur'an dan hadith sebagai peringatan besar buat manusia. Bukti-bukti tersebut terus dikaji dan disoroti sehingga banyak kajian baharu yang muncul selain daripada pembahagian tanda kiamat kecil dan besar yang telah diketahui umum sejak dari tersebarnya hadis-hadis baginda nabi S.A.W tentang gambaran peristiwa tersebut.

Kiamat merupakan satu peristiwa besar yang akan menjelma pada suatu masa yang tiada diketahui ketetapan waktunya kecuali Allah S.W.T sahaja. Peristiwa ini merupakan permulaan kepada kehancuran dan kebangkitan semula manusia yang berada di atas dunia yang bakal ditinggalkan nanti menuju ke alam akhirat yang kekal abadi (Al-Areefi, 2011). Namun, isyarat dan tanda-tanda akan berlakunya kiamat telah digambarkan oleh Allah S.W.T dalam al-Qur'an al-Karim dan juga melalui hadis nabi S.A.W (Al-Mūbayyad , 2017).

Ketika proses penurunan al-Qur'an berlaku, Nabi S.A.W diberikan wahyu oleh Allah S.W.T untuk menjelaskan situasi dan gambaran tempoh berlakunya hari kiamat. Nabi S.A.W bersabda dari Anas r.a:

بُعِثْتُ أَنَا وَالسَّاعَةَ كَهَاتَيْنِ وَضَمَّ بَيْنَ السَّبَّابَةِ وَالْوَسْطِيِّ

Maksudnya: “Jarak aku diutuskan dengan hari kiamat adalah seperti ini. (Anas r.a berkata: “Rasulullah S.A.W menggabungkan antara jari telunjuk dengan jari tengah” (H.R al-Bukhārī: Ar-Rāqaq, no 6504; Fath al-Bārī 11/355)

Dalam konteks hadis ini, waktu dan masa tibanya saat kiamat berlaku semakin menghampiri, berdasarkan gambaran yang dinyatakan oleh baginda Nabi S.A.W. Allah S.W.T telah menyatakan beberapa tanda kiamat dalam al-Qur'an dengan peringatan yang besar agar manusia sentiasa bersedia menghadapinya (Al-'Asyqar 1990). Al-Mūbayyad (2017) menjelaskan, isyarat tersebut adalah sebagai motivasi bagi manusia supaya segera bertaubat dan mempersiapkan diri untuk menghadapinya.

Hari kiamat merupakan kombinasi dua perkataan yang menggambarkan satu peristiwa besar yang akan berlaku kelak. Perkataan “hari” secara umumnya membawa maksud tempoh yang boleh diukur dan dinilai (Kamus dewan, 2007). Pembentukan perkataan ini perlu disandarkan kepada kata nama yang lain bagi menjelaskan sesuatu yang lebih khusus. Dalam kaedah bahasa Arab, “hari” disebut sebagai *al-Yaūm*, unit pengukurannya adalah bermulanya terbit matahari sehingga terbenam matahari (Ibn Manẓūr, 1994). Khālil et.al (2006) menambah bahawa kata hari adalah merujuk kepada satu pusingan bumi pada paksinya dan melengkapkan 365 hari atau setahun untuk mengelilingi matahari. Dalam hal ini, ilmu falak menjelaskan penentuan masa dalam sehari adalah diukur berdasarkan unit jam iaitu 24 jam sehari yang melengkapkan satu pusingan bumi.

Perkataan kiamat pula adalah kata terbitan dari perkataan قَامَ - يَوْمٌ - قَوْمًا - قِيَامًا وَقِيَامَةً yang bermaksud berdiri tegak atau bangun (Khālil et.al, 2006; Omar, 2008). Contohnya lafaz قام sahaja tidak menggambarkan kedudukan hari kiamat, bahkan lebih kepada maksud umum seperti (قام زيد) “telah berdiri Zaid”. Namun, jika dilihat pada setiap lafaz yang dibentuk dari perkataan ini, terdapat pelbagai variasi makna yang dikeluarkan yang mempunyai pengertian yang umum. Hal ini

menunjukkan, sekiranya lafaz umum tersebut disandarkan dengan sesuatu lafaz yang lain, maka pembentukan ayat yang jelas dan khusus akan berlaku.


Dari segi istilah pula, kiamat merupakan hari kebangkitan dan pembalasan bagi semua makhluk Allah S.W.T selepas dimatikan. Proses ini merupakan satu bentuk penilaian oleh Allah S.W.T kepada hambanya bagi menentukan tempat kekal abadi sama ada syurga ataupun neraka (Al-'Asyqar, 1990). Makna kepada hari kiamat tidak tertumpu kepada lafaz *'Yaūm al-Qiyāmah'* sahaja, bahkan terdapat perbagai variasi lafaz-lafaz berkaitan kiamat yang melatari isi kandungan al-Qur'an al-Karim. Antaranya *Yaūm Al-'Akhīrah*, *al-Sa'ah*, *al-Wāqī'ah*, *al-Qāri'ah*, *al-Zalzalah* dan lain-lain.

Rizvi (1994) menyatakan terdapat 10 definisi hari kiamat (*Day of Judgment*) yang paling kerap digunakan dalam al-Qur'an dan hadith. Kesemua definisi ini memberi gambaran yang tersendiri berkaitan hari pembalasan mengikut dalil dari al-Qur'an dan as-Sunnah.

*“All these names and words point to one or more aspects of Islamic belief that life in this world is not end in itself; that there is a life-hereafter; that all human beings will be resurrected one day, and brought together to account for their beliefs and deeds; that it will be a day which will separate good from evil and all will be rewarded or punished according to their belief and deeds”.* (Rizvi, 1994)

Berdasarkan pandangan umum tentang hari kiamat, sorotan literatur secara sistematik ini adalah satu bentuk semakan terhadap persoalan dan tujuan sesuatu kajian itu dilaksanakan. Melalui semakan tersebut, setiap permasalahan, persoalan, objektif kajian serta jurang dan arah tujuan kajian pada masa hadapan dapat dikenal pasti. Justeru, kelompongan yang wujud melalui penelitian berdasarkan sorotan literatur secara sistematik ini dalam menjelaskan secara terperinci cadangan dan bentuk kajian yang boleh dilaksanakan pada masa akan datang.

Terdapat tiga fasa utama yang perlu dikenal pasti dalam proses menjalankan sorotan literatur secara sistematik ini. Pearl Brereton et al. (2007) menjelaskan fasa pertama perlu dimulakan dengan melihat cadangan kajian literatur melalui penentuan persoalan kajian, pembinaan protokol kajian dan pengesahan kajian literatur yang ingin dijalankan. Fasa kedua pula adalah melibatkan lima elemen utama iaitu penentuan kajian yang sesuai, pemilihan kajian utama, penelitian kualiti kajian, penelitian kepada data dan analisis data. Setelah kedua-dua fasa telah selesai dilaksanakan, penulisan laporan dan pengesahan laporan perlu dilaksanakan pada fasa ketiga bagi memastikan sorotan kajian literatur adalah tepat dengan kehendak konsep yang ingin dihasilkan. Proses pembentukan sorotan literatur secara sistematik adalah seperti dalam rajah 1.



Rajah 1: Proses sorotan literatur secara sistematik

## 2.0 KAJIAN HARI KIAMAT

Sebahagian besar sarjana sependapat bahawa al-Qur'an adalah rujukan utama berkaitan peristiwa hari kiamat disusuli dengan hadith-hadith *sahih* dan *hassan*. Berdasarkan karya dan kajian sarjana berkaitan hari kiamat ini, dapatan menunjukkan al-Qur'an telah merakamkan pelbagai peringatan berbentuk kedahsyatan saat tibanya hari kiamat melalui ayat dan surah yang disandarkan terus kepada hari kiamat. Al-Qūrṭ ubī (2004) menegaskan, Allah S.W.T telah membeza-bezakan lafaz hari kiamat dalam al-Qur'an dengan perincian dan fungsi perkhabaran yang berbeza. Dalam hal ini, terdapat lebih dari 27 lafaz hari kiamat yang terdapat dalam al-Qur'an dengan fungsi berbeza dalam makna yang satu. Dari sudut ayat pula, terdapat 1074 ayat yang mengkhususkan kepada perkhabaran dan peristiwa akhir zaman (Mahliatussikah, 2004). Selari dengan dapatan awal ini, Sayyid Quṭ b (2001) menegaskan bahawa 80 dari 114 surah iaitu 70% surah-surah al-Qur'an menjelaskan berita dan peringatan berkaitan kiamat. Ini menunjukkan bahawa lafaz dan ayat kiamat dalam al-Qur'an merupakan antara yang paling banyak dijelaskan dalam al-Qur'an (al-Qūrṭ ubī, 2004).

Sarjana tatabahasa juga turut menjadikan lafaz-lafaz kiamat dalam al-Qur'an sebagai kajian utama bagi melihat kesinambungan dan keunikan lafaz tersebut sehingga Allah S.W.T mendatang lafaz yang berbeza-beza. Al-'Alusiy dan al-Khajrājiy (t.t) sebagai contoh, telah melihat beberapa lafaz kiamat utama dalam al-Qur'an dan mengkaji setiap daripadanya melalui aspek tatabahasa *nahḥ wu* dan *sarf*. Dalam hal ini, dapatan jelas menunjukkan setiap lafaz dalam al-Qur'an yang berkaitan dengan kiamat merupakan gabungan dan pembentukan kata-kata khusus sehingga

membawa kepada maksud kiamat. Sebagai contoh, lafaz 'kiamat' adalah berasal dari kata *qīām* yang membawa maksud berdiri atau tidak duduk. Daripada kata ini, terbentuknya satu istilah yang difahami sebagai kebangkitan iatu hari kebangkitan yang sinonim dengan kiamat.

Apa yang difahami, al-Qur'an telah diterima secara sebulat suara oleh para sarjana tanpa khilaf tentang peristiwa kiamat. Namun, permasalahan yang wujud adalah ayat al-Qur'an memerlukan penjelasan yang terperinci dari pelbagai sudut dan disiplin ilmu. Dalam hal ini, interaksi dengan hadith perlu dilihat dan dipadankan bagi memperolehi maksud yang tepat selain daripada faktor tatabahasa *nahwu*, *balaghah* dan dari sisi pandang *i'jaz ilmiy*. Justeru itu, setiap perbincangan tanda-tanda kiamat, perlunya sumber hadith yang menyokong atau menjelaskan ayat al-Qur'an berdasarkan konteks situasi yang tertentu.

Walaupun bagaimanapun, masih terdapat sarjana yang menggunakan atau memasukkan hadith *d' aif* dan *maudu'* dalam karya atau kajian berkaitan peristiwa kiamat. Dari konteks sumber utama, al-Qur'an adalah sumber yang bersih dengan sifatnya yang memiliki tahap periwayatan yang paling dipercayai. Setiap ayat boleh dijadikan hujjah bagi memperkukuhkan maksud peristiwa hari kiamat. Para sarjana (al-Mūbayaḍ, 2006; al-Qudhā, 2009) telah menetapkan satu bentuk piawaian dalam karya mereka dengan membuat tapisan dengan hanya hadith-hadith *sahih* dan *hasan* sahaja yang disandarkan kepada sumber utama iaitu al-Qur'an. Justeru itu, setiap perbincangan berkaitan peristiwa masa hadapan perlu menitik berat setiap sumber yang ingin diketengahkan dengan teliti.

Perkara ini ditegaskan dengan jelas oleh al-Qudhā (2009) melalui beberapa perkara utama dalam menilai hadis berkaitan kiamat. Dalam hal ini, terdapat lapan perkara utama yang perlu diambil perhatian dalam berinteraksi dengan hadith masa hadapan dan berhujjah dengannya. Yang pertama adalah penentuan kesahihan sesuatu hadith tersebut dengan membuat semakan yang terperinci. Kedua, perlu memastikan kategori hadith sama ada *marfu'* iaitu disandarkan kepada Nabi S.A.W dan bukan berstatus *mawquf* dan *maqtu'*. Ketiga, memahami apa itu hadith *manquf*. Keempat, berpegang kepada hadith *ahad* yang *sahih* atau *hasan* dan tidak disyaratkan *tawatur*. Kelima, penentuan tarikh merupakan salah satu bentuk hadith palsu. Keenam, menyalahi sesuatu pandangan iaitu hadith yang dilihat ganjil pada kebiasaan namun hadith itu adalah *sahih* dan perkara yang luar biasa adalah bukan suatu yang menghairankan dalam hari kiamat. Ketujuh adalah perbezaan dan perincian yang wujud dalam hadith *sahih* tidak menyebabkan status hadith tersebut tertolak dan kelapan adalah percanggahan pada hadith-hadith *shahih*. Dalam hal ini, perlunya proses mengharmonikan terlebih dahulu sebelum dilakukan pentarjihan. Kesemua faktor yang dijelaskan ini adalah perkara asas dan menjadi kewajipan kepada pengkaji hadith berkaitan peristiwa masa hadapan untuk meneliti status sesuatu hadith bagi memastikan setiap perkara yang ingin dikhabarkan adalah tepat dengan konteks yang disampaikan oleh nabi S.A.W.

Bersandarkan kepada dua sumber utama tersebut, para sarjana pengkaji hari kiamat telah bersepakat berdasarkan dapatan kajian mereka bahawa al-Qur'an perlu didahulukan dan disusuli dengan hadith *sahih* dan *hasan*. Perkara ini dapat dilihat melalui kajian-kajian peringkat baharu yang dijalankan dengan lebih berhati-hati dan terperinci selepas rujukan demi rujukan dijalankan kepada hasil kajian para sarjana yang lampau.

### 3.0 BENTUK KAJIAN HARI KIAMAT DALAM AL-QUR'AN, HADITH DAN TATABAHASA ARAB


Perbincangan berkaitan tanda-tanda kiamat ini telah muncul sejak zaman nabi S.A.W dan sahabat lagi, namun perincian dan penyusunan secara sistematik telah bermula awal 1980 an lagi

melalui kajian dan penelitian oleh para sarjana lalu. Ini termasuk pembukuan dan penerbitan semula karya agong seperti Ibn Kathir (w: 1373). Tidak dinafikan, para sarjana terdahulu telah membahas dan mengkaji dengan penuh cermat dan teliti, bahkan setiap perincian dibuat dengan rujukan yang meluas supaya hasil yang diperolehi adalah tepat. Dalam hal ini, sepanjang tempoh 30 tahun kebelakang ini, banyak kajian-kajian berkaitan fenomena hari kiamat ini dihasilkan dan dibukukan dalam beberapa bentuk dimensi ilmu seperti al-Qur'an, hadith dan tatabahasa Arab yang membawa kepada satu jumlah yang besar kira-kira 25 kajian. Jumlah ini tidak termasuk kajian dengan maksud dan tujuan yang sama tetapi menggunakan istilah yang lebih umum dan ringkas. Begitu juga kajian yang dilakukan dalam konteks barat, seperti perbahasan yang melibatkan perbandingan kiamat dari sudut agama dan kefahaman.

Kajian terkini yang melibatkan hari kiamat ini adalah berbentuk pemahaman tentang hari kiamat di kalangan remaja di sekolah Menengah Teknik Kangar, Perlis (Ruhaidy, 2013), penggunaan *tash'ib* dalam gambaran hari kiamat dalam surah *al-Qāri'ah* (Nazri et al, 2013) Hadith-hadith produktif dalam menjelaskan tanda-tanda hari kiamat (Mustofa, 2015), penafsiran ayat tentang hari kiamat menurut penafsiran oleh Umar Sulaiman Abdullah al-'Asyqar (Soleh, 2018) telah dilakukan.

#### 4.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan prinsip Kajian Sastera Sistemik (SLR) yang dicadangkan oleh Cochrane (Armstrong dan Waters 2007; Ghafar et al. 2016). Artikel yang dicari menggunakan enjin carian Askzad.com dan google.com. Enjin carian ini digunakan kerana pangkalan data yang melibatkan konsep hari kiamat ini adalah terhad khususnya dalam bahasa Arab. Proses carian bermula dengan pemilihan kata kunci dengan mengemukakan empat kata kunci utama iaitu 'hari kiamat', 'tanda-tanda kiamat', يوم القيامة dan أشرار الساعة. Prinsip SLR ini adalah berfungsi untuk membantu mendapatkan beberapa kajian dalam kesusasteraan yang memenuhi objektif kajian. Tempoh tinjauan yang dinyatakan pula tertumpu pada tahun 1988 hingga 2018 iaitu sepanjang 30 tahun terkini. Penggunaan rajah proses *Preferred Reporting Items for Systematic reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) disesuaikan dalam kajian ini. Data yang diperolehi akan dikodkan melalui perisian Atlas.ti 8 bagi menjelaskan tema dan sub-tema yang terhasil daripada sorotan literatur secara sistematik sebagaimana yang dijelaskan dalam rajah 2.



**Rajah 2:** Metodologi kajian

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 menunjukkan bentuk kajian, latar belakang, isu atau gap yang terdapat dalam kajian, metodologi dan dapatan dari setiap kajian. Secara umumnya, setiap kajian yang dikemukakan adalah merujuk kepada tahun penerbitan dan pembukuan terkini karya oleh sarjana yang terlibat dengan kajian hari kiamat. Sekiranya disoroti, Ibn Kathir telah wafat pada 1373M, namun pembukuan dan penerbitan kajian beliau adalah pada tahun 1988M. Justeru itu, setiap kajian yang dinyatakan dalam jadual di atas adalah dapatan yang diperolehi melalui penemuan terkini berdasarkan carian yang dilakukan.

**Jadual 1:** Perincian sorotan literatur

Kajian	Latar Belakang	Isu/Gap	Metodologi	Dapatan
<b>Ibn Kathir, 1988</b>	Rangkuman tanda-tanda hari kiamat berdasarkan hadith	Kajian dan analisis hadith tanda-tanda kiamat	Kualitatif, Analisis dokumen	Merangkumkan perjalanan manusia di akhirat sebelum membahaskan fitnah dan tanda-tanda kiamat serta bersih dari kecatatan.
<b>Al-'Asyqar, 1990</b>	Membincangkan tanda-tanda kiamat besar	Menfokuskan kepada perbahasan kiamat secara keseluruhan walaupun tajuk menjurus kepada tanda-tanda kiamat besar.	Kualitatif, Analisis dokumen	Menjelaskan secara mendalam perbahasan tanda-tanda kiamat dengan menyusun dalam pelbagai pecahan topik utama. Setiap topik dibahaskan berasaskan ayat al-Qur'an dan hadith dengan penerangan yang lebih mendalam.
<b>Al-Ad <math>\square</math> wiy, 1991</b>	Hadith-hadith sahih berkaitan tanda-tanda kiamat.	Menfokuskan hanya kepada hadith-hadith shahih sahaja tanpa melihat kepada selain daripadanya.	Kualitatif, Analisis dokumen	Mengetengahkan satu bentuk penyusunan fakta dan maklumat tanda-tanda kiamat berdasarkan hadith-hadith shahih secara umum tanpa penjelasan yang mendalam berkaitan sesuatu matan hadith.
<b>Nu <math>\square</math> aim, 1991</b>	Meneliti fitnah pepecahan yang terjadi dalam tubuh umat Islam	Fitnah sebagai tanda hari kiamat	Kualitatif, Analisis dokumen	Mengetengahkan permasalahan fitnah yang berlaku pada hari kiamat sahaja tanpa melihat isu atau tanda-tanda lain. Turut dimasukkan hadith <i>maudu'</i>



<b>Said Hawa, 1992</b>	Fitnah dan khabar kedatangan hari kiamat	Menfokuskan kepada topik fitnah dan khabar akhir zaman dari sisi masalah akidah	Kualitatif, Analisis dokumen	Membahaskan fitnah dan khabar hari kiamat berdasarkan teks-teks hadith dengan komentar yang mendalam melalui sisi pandang bidang akidah.
<b>Al-Wābil, 1994</b>	Pembahagian tanda-tanda kiamat dan perincian berdasarkan hadith dan al-Qur'an	Menfokuskan kepada tiga pembahagian kiamat dan 2 bentuk tanda-tanda kiamat kecil dan besar.	Kualitatif, Analisis dokumen	Menjelaskan dengan terperinci setiap topik berkaitan tanda-tanda kiamat kecil dan besar. Setiap perbahasan dimulai dengan sumber dari al-Qur'an disusuli dengan hadith.
<b>Qinwajiy, 2000</b>	Meneliti tanda-tanda kiamat besar secara ringkas.	Menfokuskan secara ringkas berkaitan tanda-tanda kiamat	Kualitatif, Analisis dokumen	Menjelaskan satu bentuk ringkasan dari karya-karya sebelumnya dan tidak mencakupi cerita dan peristiwa aneh yang berlaku.
<b>Ruhaidy, 2003</b>	Meneliti pemahaman remaja di sekolah menengah Teknik Kangar, Perlis tentang Hari Kiamat.	Menfokuskan kepada penerapan tentang hari kiamat melalui subjek pendidikan Islam kepada pelajar sekolah	Kuantitatif, temubual, soal selidik dan pemantauan.	Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pemahaman pelajar sekolah Menengah Teknik Kangar, Perlis adalah pada tahap sederhana secara keseluruhan.
<b>Al-Qūrṭ ubī, 2004</b>	Meneliti tanda-tanda kiamat berdasarkan hadith	Menfokuskan kepada topik-topik khusus dalam berkaitan tanda-tanda kiamat	Kualitatif, Analisis dokumen	Menjelaskan topik-topik khusus berkaitan hari kiamat secara umum tanpa penerangan yang mendalam, dan turut dimasukan hadith <i>ḍ aif</i> .
<b>Mahliatussikah, 2004</b>	Penggunaan Gaya Bahasa Perbandingan Dalam Ayat-Ayat al-Qur'an Tentang Hari Kiamat	Menfokuskan kepada gaya bahasa perbandingan dalam ayat berkaitan dengan hari kiamat.	Kualitatif, Analisis dokumen	Dapatan mendapati, terdapat penggunaan elemen balaghah seperti <i>tashbīh</i> , <i>mājaz</i> , <i>isti'arah</i> dan daripada 1075 ayat, 87 ayat mempunyai elemen gaya bahasa perbandingan.
<b>Al-Barzanjī, 2005</b>	Sorotan peristiwa tanda-tanda kiamat berdasarkan hadith	Menjelaskan setiap peristiwa secara sistematik dan teratur.	Kualitatif,	Penjelasan setiap peristiwa melalui hadith. Namun terdapat beberapa cerita yang disandarkan dengan hadith <i>maudu'</i> dan <i>munkar</i>

			Analisis dokumen	
<b>Al-Mūbayyaḍ , 2006</b>	Perincian setiap tanda-tanda kiamat berdasarkan sumber hadith yang sahih dan hassan sahaja.	Menfokuskan setiap perbincangan hari kiamat dengan menitikberatkan sumber yang sahih dan membuang yang tidak sahih.	Kualitatif, Analisis dokumen	Mengumpulkan tanda-tanda kiamat dengan susunan yang kemas dan teratur. Setiap susun atur tersebut dijelaskan dengan terperinci hubungkait di antara satu tanda kepada tanda yang lain berdasarkan sumber hadith yang sahih dan hassan. Pengkaji juga turut mengkritik beberapa buah kajian yang sewenang-wenangnya menggunakan sumber palsu bagi mencantikan kisah dan peristiwa kiamat ini.
<b>Sayyīd Quṭ b, 2006</b>	Gambaran hari kiamat berdasarkan keterangan dari al-Qur ān	Menfokuskan kepada gambaran hari kiamat dalam setiap surah al-Qur’an	Kualitatif, Analisis dokumen	Setiap gambaran hari kiamat dalam al-Qur’an dikeluarkan dan diteliti setiap perbincangan melalui pemahaman ahli tafsir secara mendalam.
<b>Ali Syuhada, 2008</b>	Kajian terhadap karya ‘Hikayat Kiamat’ yang merupakan karya klasik melayu dalam tulisan jawi.	Menfokuskan kepada bentuk penulisan dan persembahan bentuk ayat pada gambaran kiamat melalui tinjauan Eskatologi.	Kualitatif, Analisis dokumen	Dapatan menunjukkan teks yang digunakan adalah dalam bentuk jawi melayu dan tidak perlu kepada penterjemahan, dan perincian setiap perbincangan berkaitan hari kiamat dari sisi pandang ilmu Eskatologi diuraikan dengan jelas dan teratur.
<b>Al-Qudh a, 2009</b>	Rentetan peristiwa hari kiamat berdasarkan hadith	Menfokuskan kepada beberapa hadith utama dalam perbincangan hari kiamat secara ringkas.	Kualitatif, Analisis dokumen	Menjelaskan kepentingan berinteraksi dengan hadith masa hadapan melalui beberapa tanda-tanda kiamat menerusi sumber yang sahih dan tepat. Namun, kajian ini hanyalah berbentuk ringkasan dan ringan bagi minda pembaca.
<b>Al-Arefee, 2010</b>	Pengakhiran alam menerusi gambaran kiamat kecil dan besar	Menfokuskan setiap tanda-tanda kiamat kecil dan besar berdasarkan hadith dan al-Qur’an	Kualitatif, Analisis dokumen	Setiap topik yang dibahaskan disertakan dengan gambaran interaktif sebagaimana yang dijelaskan dalam hadith bersama keterangan yang terperinci.
<b>Hala Said, 2011</b>	Meneliti ayat-ayat perbualan dalam gambaran hari kiamat dalam al-Qur ān	Menfokuskan kepada ilmu <i>al-Dalāliyat</i> dan <i>al-Bayāniyat</i>	Kualitatif,	Penggunaan uslub <i>bayāniyah</i> dan lafaz yang sesuai dalam setiap ayat dialog berkaitan gambaran hari kiamat bagi

			Analisis dokumen	memperkuat pemahaman dan keberadaan hari kiamat kelak.
<b>Al-Taūjiri, 2012</b>	Menjelaskan tentang beriman kepada hari akhirat	Menfokuskan kepada pembahasan utama tanda-tanda hari kiamat melalui hadith dan al-Qur'an.	Kualitatif, Analisis dokumen	Setiap topik dalam bab tanda-tanda kiamat disusun dengan teliti berdasarkan hadith dan ayat al-Qur'an berkaitan. Namun, kajian yang dibuat adalah berbentuk ringkasan tanpa penjelasan yang mendalam.
<b>Efa Ida, 2013</b>	Peringkat dan peringatan moral berkaitan kiamat dalam al-Qur'an	Menfokuskan kepada empat peringkat berlakunya peristiwa kiamat.	Kualitatif, Analisis dokumen	Menjelaskan empat peringkat kiamat dengan peringatan berbentuk moral yaitu mengubah pandangan hidup supaya seimbang, beramal soleh, meningkatkan tanggungjawab kepada diri sendiri dan pengawalan diri dari perbuatan mungkar seawal yang boleh.
<b>Rukmanasari, 2013</b>	Menjelaskan satu bentuk kajian hari kiamat berpandukan surah al-Qāri'ah	Menfokuskan kepada surah al-Qāri'ah dengan satu istilah suara ketukan dalam gambaran hari kiamat	Kualitatif, Analisis dokumen	Perbincangan tentang kewujudan hari kiamat berdasarkan surah al-Qāri'ah adalah menepati kepada suatu keadaan dan situasi dasyat yang akan berlaku kepada manusia dan alam apabila tiba saatnya nanti.
<b>Nazri et al. 2013</b>	Penggunaan <i>tashīh</i> dalam gambaran hari kiamat dalam surah al-Qāri'ah	Menfokuskan kepada gaya bahasa <i>tashīh</i> dalam membincangkan berkaitan situasi hari kiamat yang digambarkan dalam surah	Kualitatif, Analisis dokumen	Penggunaan lafaz dalam menggambarkan hari kiamat mempunyai hubungan dengan alam sekitar seperti kekaltu, gunung ganang dan bulu-bulu yang diperjelaskan melalui uslub <i>tashīh</i> .
<b>Mustofa, 2015</b>	Hadith-hadith produktif dalam menjelaskan tanda-tanda hari kiamat	Menfokuskan kepada <i>ma'āni al-Hadis</i> bagi memperolehi pemahaman yang sebenar tentang hadith tanda-tanda kiamat.	Kualitatif, Analisis dokumen	Penelitian yang dibuat menunjukkan bahawa hadith-hadith yang terpilih secara dasarnya menjelaskan tentang kiamat kecil, namun kemungkinan juga situasi tersebut merupakan perantaraan kepada berlakunya kiamat besar.
<b>Soleh, 2018</b>	Penafsiran ayat tentang hari kiamat menurut penafsiran	Menfokuskan kepada beberapa ayat al-Qur'an berkaitan tanda-tanda kiamat berdasarkan metode	Kualitatif, Analisis dokumen	Penelitian yang diperolehi menunjukkan lafaz <i>tajjir</i> mempunyai persamaan makna dengan lafaz <i>tajjir</i> yang bermakna meletop

---

oleh Umar Sulaiman  
Abdullah Al-'Asyqar

penafsiran oleh Umar  
Sulaiman Abdullah al-  
Asyqār

sedangkan mufassir terdahulu menjelaskan maknanya *tafjir* itu  
adalah *ikhtilath* manakala *tasjir* pula membawa maksud menyala.

---

## 6.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, dapat dirumuskan beberapa kesimpulan kajian hari kiamat yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu seperti berikut:

### 6.1 Metodologi Kajian

Dari segi metodologi, kesemua kajian hari kiamat dijalankan melalui pendekatan kajian kualitatif kecuali pada kajian Ruhaidy (2003) yang menjalankan satu bentuk kajian melalui pendekatan kuantitatif melalui soal selidik bagi memperlihatkan tahap kefahaman pelajar terhadap hari kiamat. Namun, secara umumnya kajian hari kiamat adalah melibatkan analisis kandungan ayat al-Qur'an dan hadith yang memerlukan kepada penerokaan, perbandingan dan penjelasan dengan terperinci.

### 6.2 Analisis dokumen dan kandungan al-Qur'an dan Hadith

Berpandukan Jadual 1, pendekatan kualitatif merupakan dominasi terbesar dalam merungkaikan pelbagai isu berkaitan kajian hari kiamat. Pengkaji lebih gemar menggunakan teknik ini adalah disebabkan isu yang ingin dihuraikan memerlukan penelitian yang mendalam dan ketekunan dalam proses memperolehi keputusan yang tepat. Dalam hal ini, kajian yang melibatkan data hadith (Ibn Kathir, 1988; al-Ad  $\square$ wiy, 1991; Nu'aim, 1991; Said Hawa, 1992; al-Qur' ubi, 2004; al-Barzanji, 2005 dan Mustofa, 2015) data dari al-Qur'an (Sayyid Quṭ b, 2006; Hala Said, 2011; Efa Ida, 2013; Rukmanasari, 2013 data Soleh, 2018). Dalam hal ini, terdapat kajian yang menjurus kepada penumpuan fenomena dan tanda-tanda kiamat kecil dan besar (al-Barzanji, 2005; al-Mūbayyad , 2006; al-Qudh a, 2009; al-Arefee, 2010) yang menjadi elemen utama pengkaji bagi menyoroti melihat hubung kait di antara satu tanda kepada tanda yang lain.

Dari sudut penelitian, perbandingan dan penggunaan uslub atau elemen *balāghah* berdasarkan konteks kiamat dalam al-Qur'an dan Hadith, terdapat beberapa kajian yang menerobos kajian seperti penggunaan gaya bahasa perbandingan dalam ayat-ayat al-Qur'an tentang hari kiamat (Mahliatussikkah, 2004), meneliti ayat-ayat perbualan dalam gambaran hari kiamat dalam al-Qur'an (Hala Said, 2011), menjelaskan satu bentuk kajian hari kiamat berpandukan surah *al-Qāri'ah* (Rukmanasari, 2013), penggunaan *tash'ib* dalam gambaran hari kiamat dalam surah *al-Qāri'ah* (Nazri et al, 2013).

### 6.3 Kajian deskriptif


Kajian deskriptif menumpukan kepada huraian terhadap sesuatu fenomena atau isu (Creswell, 2012) seperti kajian lafaz yang berkaitan dengan hari kiamat. Berdasarkan isu atau fokus kajian dalam Jadual 1, terdapat beberapa kajian yang menfokuskan kepada bentuk frekuensi atau taburan sesuatu lafaz atau ayat berkaitan kiamat dalam al-Qur'an. Quṭ b (2006) dan Mahliatussikkah (2004) menghuraikan dalam kajian mereka berkaitan bilangan ayat yang berkaitan dengan peristiwa dan tanda-tanda kiamat dalam al-Qur'an.

Selain dari itu, terdapat hanya satu kajian yang dijalankan secara lapangan dalam bentuk kuantitatif iaitu pemahaman tentang hari kiamat di kalangan remaja di sekolah Menengah Teknik Kangar, Perlis (Ruhaidiy, 2003). Kajian yang dijalankan ini merupakan satu bentuk pendekatan baharu yang selari dengan kelestarian pendidikan Islam ketika ini. Dalam hal ini, dapatan yang diperolehi menampakkan tahap pemahaman pelajar tentang hari kiamat masih lagi berada pada peringkat sederhana. Ini membuktikan, tahap kesedaran dan pemahaman pelajar masih lagi lemah

dalam memahami perkara penting yang berkait rapat dengan keimanan seseorang muslim seperti kepercayaan kepada hari kiamat dan kepercayaan kepada *qada'* dan *qadar* yang merupakan salah satu dari rukun iman dan tunjang akidah bagi umat Islam (Hamimah, 2007). Justeru itu, perkembangan kajian menerusi kajian berbentuk deskriptif ini dapat melestarikan lagi pemahaman dan rahsia berkaitan hari kiamat.


#### 6.4 Tema Dan Sub-Tema

Berdasarkan penelitian yang dibuat, terdapat tiga tema utama dan 12 sub-tema dalam kajian ini. Tema pertama iaitu al-Qur'an dan Hadith telah memaparkan 7 sub-tema iaitu fitnah hari kiamat, lafaz hari kiamat, surah hari kiamat, gambaran hari kiamat, kronologi hari kiamat, martabat hadith berkaitan hari kiamat dan sorotan kiamat kecil dan besar. Perincian tersebut adalah seperti pada Rajah 3.




Rajah 3: Tema dan sub-tema al-Qur'an dan Hadith

Tema kedua pula adalah tatabahasa Arab yang mempunyai tiga sub-tema iaitu perbandingan berkaitan ayat kiamat, *tash'ib* ayat berkaitan kiamat dan ilmu *dalaliyyat* dan *bayaniyyat*. Gambaran tema kedua ini adalah seperti pada Rajah 4



Rajah 4: Tema dan sub-tema tatabahasa Arab

Bagi tema ketiga pula adalah berbentuk penerokaan baharu yang melibatkan dua sub-tema iaitu kajian berkaitan ilmu eskatologi dan kajian deskriptif berbentuk melihat pemahaman pelajar berkaitan hari kiamat. Perincian tersebut adalah seperti pada Rajah 5.



Rajah 5: Tema dan sub-tema penerokaan baharu.

## 7.0 PENUTUP

Kajian berkaitan hari kiamat ini telah dijalankan sejak zaman nabi S.A.W dan sahabat lagi dalam kaedah dan pendekatan yang berbeza. Sehingga tiba pada zaman baharu ini, banyak pendekatan baharu telah diperkenalkan bagi memacu kelestarian dan perkembangan kajian ini. Dari tahun 1988 hingga tahun 2018, kerangka kajian terhadap hari kiamat mula mencapah dengan idea dan pandangan yang segar dari pelbagai lapisan pengkaji samada dari kepakaran al-Qur'an, hadith, tatabahasa Arab sehingga kepada ahli sains yang mula menyoroti rahsia-rahsia utama hari kiamat. Justeru itu, lebih banyak kajian-kajian akan dihasilkan yang akan memberi manfaat yang besar kepada umat Islam khususnya dan keseluruhan manusia.

## Rujukan

al-Qur'an al-Karim

Akhtar Rizvi, Maulana Syed Saeed. (1994). *Day of Judgement*. Tanzania: Bilal Muslim Mission of Tanzania.

Ali Syuhada. (2008). *Hikayat kiamat: Sungtingan Teks dan Tinjauan Eskatologi*. (Tesis Master). Universitas Diponegoro Semarang.

- Al-Ad'wiy, Mustafa. (1991). *Sabih al-Muṣnad min Abadith al-Fitan wa al-Malahim wa Asbraṭ al-Sa'ab*. Mamlakatul al-Arabiyyah al-Saudiyyah: Dar al-Hajrah lil Nashr wa al-Tauzi'
- Al-'Alusiy, Khalid Ibrahim Muslim. (t.t). Alfaḥ Yāum al-Qiyāmah (al-Sākhah, al-Hāqqah wa al-Ṭhāmah) inamuzajan dirāsah fannīyah. *Majalah Midar al-Adab*, 7, 376-623.
- Al-'Asyqar, Umar Sulaiman. (1990). *Al-Yāum al-Akhir*. Jordan: Dar al-Nafāis.
- Al-Areefi, Muhammad. (2010). *Berakbirnya Dunia Ini, Tanda-tanda Kiamat Kecil dan Besar*. Petaling Jaya, Selangor: Dakwah Corner Bookstore.
- Al-Barzanjiy, Muhammad bin Rasul. (2005). *Al-Isya'atu Asbraṭ al-Sa'ab*. Bairut Lubnan: Dar al-Minhajiy.
- Al-Khazrajīy, Abdul Karim Nasir. (t.t). Alfaḥ Yāum al-Qiyāmah al-Wāridah fi al-Qur'an al-Karim. (t.p)
- Al-Mūbayyaḍ, Muhammad Ahmad. (2006). *Al-Mausu'ah fi al-Fitan wa al-Malahim wa Asyraṭ al-Sa'ab*. Kaherah, Mesir: Muārasah al-Mukhtar lilnashr wa al-Tauzi'
- Al-Mūbayyaḍ, Muhammad Ahmad. (2013). *Ensiklopedia Akbir Zaman*. Sukarta, Jawa Tengah: Granada Mediatama.
- Al-Qinwajīy, Abi al-Thāib Muhammad Shadiq Khan. (2000). *Al-Iḥa'at lima kāna wa ma yakūnu baina yadai al-Sa'ab*. Bairut Lubnan: Al-Jaffan & al-Jabi.
- Al-Qudḥ a, Sharaf Mahmud Muhammad. (2009). *Kharīṭ ah al-Mūstaqbal fi al-Hadith al-Nabawiy*. Jāmiyah al-Urduniyyah.
- Al-Qūrṭ ubī, Imam. (2016). *Rahsia Kematian, Alam Akhirat dan Kiamat*. (N. A. Jalil, Ed.) Selangor: Al-Hidayah house of Publishers.
- Al-Qūrṭ ubī, Imam. (2004). *Al-Taḥkīrah bi Abwāl Al-Māuti wa Ūmur Al-Akhirah*. Mamlakatu al-Arabiyyah al-Saudiyyah: Maktabah Dar al-Manhaj.
- Al-Taujirīy, Muhammad bin Ibrahim. (2012). *Al-Yāum al-Akhir*. Mamlakatul al-Arabiyyah al-Saudiyyah: Dar Asdā'i al-Mujtama' Lilnashr wa al-Tauzi'.
- Al-Wabil, Yusuf bin Abdullah bin Yusuf. (1994). *Asbraṭ al-Sa'ab*. Mamlakatul al-Arabiyyah al-Saudiyyah: Dar Ibn al-Jauziy.
- Efa Ida. (2013). Pesan Moral Kiamat Perspektif al-Qur'an. *Jurnal Hermeneutik*, 7(2), 297-314.
- Hala Said Muhammad Muqbal. (2011). *Al-Hiwar fi Masyāhid al-Qiyāmah fi al-Qur'an al-Karim-Dirasah Dalālah Bayāniyyah*. (Tesis Sarjana). Jamiyah Syarqi al-Aushāt.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Ismail bin Umar. (1988). *Al-Nihayat fi al-Fitan wa al-Malahim*. Bairut: Lubnan: Dar al-Jāil.
- Ibn Manḥūr, Jalaluddin. (1994). *Lisan al-Arab*. Bairut: Lubnan: Dar Lisan al-Arab.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi. (2007). Penghayatan Aqidah dalam Kalangan Remaja Satu Kajian. *Chapter Book: Islam di Malaysia Pasca Kemerdekaan*. Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM. 151-162.



- Khālil, Othman et.al. (2006). *Kamus Besar Arab- Melayu Dewan*. Hulu Klang: Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Mahliatussikah, Hanik. (2004). Penggunaan Gaya Bahasa Perbandingan Dalam Ayat-Ayat al-Qur'an Tentang Hari Kiamat. *Bahasa dan Seni*, 32(2), 175-189.
- Mustofa, Ahmad. (2015). *Hadith-hadith Prediktif Tentang Tanda-tanda Hari Kiamat*. (Tesis Master). Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Nazri Atoh dan Zamri Arifin. (2013). Penggunaan Tashbih dalam Gambaran Hari Kiamat dalam Surah al-Qāri'ah. *Al-Hikmah*, 71-81.
- Nu'aim, Abu Abdullah. (1991). *Kitab al-Fitan*. Kaherah: Maktabah al-Tauhid
- Peal Breerton, Barbara A. Kitchenham, David Budgen, Mark Turner dan Mohamed Khalil. (2007). Lesson from Applying The Systematic Literature Review Process Within The Software Engineering Domain. *The Journal of System and Software*, 80, 571-583.
- Quṭb, Sayyid. (2006). *Masyāhidul al-Qiyāmah fi al-Qur'an*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Ruhaidiy, Ahmad bin Mohd Ramli. (2003). Pemahaman Tentang Hari Kiamat di Kalangan Remaja di Sekolah Menengah Teknik Kangar, Perlis. (Tesis Master). Universiti Malaya.
- Rukmanasari. (2013). *Hari Kiamat dalam Perspektif al-Qur'an: Studi Terhadap Surah al-Qāri'ah*. (Tesis Master). Universitas Islam Negeri Alauddin Makassar.
- Said Hawa. (1992). *Al-Asas fi al-Sunnah wa Faqqahuba-al-Aqaid al-Islamiyyah*. Dar al-Salam lil 'Taba' wa al-Nashr wa al-Ta'uzi' wa al-Tarjamah.
- Soleh bin Che' Had. (2018). *Penafsiran Ayat Tentang Hari Kiamat Menurut Umar Sulaiman 'Abdullah al-Asyqar*. (Tesis Master). Universitas Islam Negeri Ar-Raniry Darussalam Bandar Aceh.
- Umar Sulaiman, al-Asyqar. (1990). *Al-Yaum Al-Akhirah: Al-Qiyāmat Al-Kubra*. Amman: Dar al-Nafāis.